

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR MEMILIH PROGRAM SIJIL AGROTEKNOLOGI DI KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN

**FACTORS THAT ENCOURAGE STUDENTS TO CHOOSE THE
AGROTECHNOLOGY CERTIFICATE PROGRAM AT TAMBUNAN
COMMUNITY COLLEGE**

Anabil Binti Ubil¹
Fiona Gadius²

¹Unit Pengambilan Dan Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Tambunan (KKTBS), Malaysia,
(Email: anabil@kktbs.edu.my)

²Unit Pengambilan Dan Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Tambunan (KKTBS), Malaysia,
(Email: fiona.gadius@kktbs.edu.my)

Article history

Received date : 19-10-2023

Revised date : 20-10-2023

Accepted date : 14-12-2023

Published date : 31-12-2023

To cite this document:

Ubil, A & Gadius, F (2023) Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Memilih Program Sijil Agroteknologi Di Kolej Komuniti Tambunan *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(21), 126 - 132.

Abstrak: Kajian yang dijalankan secara deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengetahui punca dan sebab yang telah mendorong para pelajar memilih Program Sijil Agroteknologi di Kolej Komuniti Tambunan, Sabah. Faktor-faktor yang diutarakan adalah daripada segi minat, pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, promosi dan kerjaya. Responden kajian ini melibatkan pelajar semasa sijil Agroteknologi bagi tahun 2023. Data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden menggunakan ‘google form’. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi dua puluh lima item berdasarkan kepada skop kajian. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A, melibatkan latar belakang responden dan bahagian B melibatkan respon responden terhadap aspek yang dikaji. Analisis data yang diperolehi dibuat berdasarkan frekuensi, peratusan dan min dan data diproses dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Science). Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan responden memberikan reaksi yang positif terhadap aspek-aspek yang dikaji. Hasil kajian mendapati faktor minat merupakan faktor paling tinggi yang mendorong pelajar memilih program Sijil Agroteknologi di samping faktor lain seperti kerjaya, promosi, pengaruh ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya. Hasil kajian ini penting untuk mendapatkan dan mengenalpasti pencetus yang menjadi keutamaan pelajar agar pada masa akan datang, ia boleh dijadikan panduan bagi membantu Unit Pengambilan dan Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Tambunan ke arah meningkatkan pengambilan pelajar baharu, sekaligus memenuhi norma ambilan pelajar.

Kata Kunci: Faktor Mempengaruhi, Sijil Agroteknologi, Kolej Komuniti Tambunan

Abstract: This descriptive study aims to find out the causes and reasons that have motivated students to choose the Agrotechnology Certificate Program at Tambunan Community College, Sabah. The factors mentioned are in terms of interest, parental influence, peer influence, promotion and career. The respondents of this study involved current students in the Agrotechnology certificate for the year 2023. Data was obtained through a questionnaire that was distributed to respondents using a 'google form'. The research instrument used is a set of questionnaires containing twenty-five items based on the scope of the study. The questionnaire is divided into two parts, namely part A, involving the background of the respondent and part B involving the respondent's response to the aspects studied. Analysis of the data obtained is based on frequency, percentage and mean and the data is processed using SPSS (Statistical Packages for Social Science) software. Overall, the findings of the study show that the respondents gave a positive reaction to the aspects studied. The results of the study found that the interest factor is the highest factor that motivates students to choose the Agrotechnology Certificate program alongside other factors such as career, promotion, parental influence and peer influence. This study is important to know the factors that are students' priorities so that in the future, it can be used as a guide to help the Student Recruitment and Development Unit of Tambunan Community College towards increasing the recruitment of new students, as well as meeting the student intake norms

Keywords: Selection Factor, Agrotechnology Certificate, Tambunan Community College

Pengenalan

Antara sektor utama Malaysia ialah pertanian, yang termasuk perladangan dan penternakan. Antara kepentingan pertanian ialah untuk memastikan rakyat negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi, menjana pendapatan melalui jual beli dan pengeksportan hasil tanaman dan produk pertanian ke luar negara. Selain itu, sector ini juga mampu mewujudkan lebih banyak peluang bagi rakyat Malaysia untuk terlibat secara langsung dan seterusnya menjana pendapatan. Bagaimanapun, agroteknologi ialah penggunaan teknologi dalam pertanian. Teknologi moden seperti dron, jentera berat, elemen Internet of Things (IoT) dan seumpamanya boleh memperbaiki dan melestarikan kawasan pertanian supaya lebih ramai orang boleh meneroka sumber bekalan makanan semula jadi, memaksimumkan hasil, meningkatkan kecekapan operasi pertanian dan mengurangkan kos.

Adalah menjadi matlamat program Sijil Agroteknologi di kolej komuniti untuk memberi pelajar peluang dan pendedahan kepada penggunaan teknologi dalam bidang pertanian, daripada pengetahuan asas pertanian hingga kepada pembuatan produk pertanian. Asas pertanian, sains tanah, pengurusan tapak semaian, pengurusan perosak, penjagaan menyeluruh tanaman, tanaman tanpa tanah, pertanian integrasi, tanaman manakan dan kontan, bioteknologi, pasca tuai, pemprosesan produk makanan dan penggunaan jentera pertanian adalah semua topik yang dibincangkan dalam program ini. Ini bukan hanya mendidik dan melatih pelajar berlandaskan kemahiran praktikal penjagaan dan pengurusan tanaman secara menyeluruh, malah menyiapkan pelajar untuk menjadi usahawan tani moden.

Di Malaysia, Kolej Komuniti Tambunan dan Kolej Komuniti Rembau adalah dua buah kolej komuniti yang menyediakan program Sijil Agroteknologi (SAT). Program ini adalah setara dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap tiga dan telah mendapat pengiktirafan dari *Malaysia Qualifications Agency* (MQA) dan juga *Malaysia Board of Technologists* (MBOT).

Dari segi pengambilan pelajar di dalam program ini, tren dilihat stabil di mana norma pengambilan bagi ambilan perdana dapat dicapai, tetapi bagi ambilan biasa, bilangan pelajar agak menurun sedikit terutama sewaktu era pandemik Covid-19. Tetapi secara amnya, program ini masih mendapat sambutan di kalangan komuniti masa kini. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi dan menyebabkan pelajar memilih program ini. Seterusnya, aktiviti promosi dan dapat dirancang dengan lebih teliti agar dapat menarik pelajar yang tepat untuk melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti Tambunan. Pemilihan pelajar yang tepat bukan sahaja dapat meningkat kemahiran diri pelajar itu sendiri, malah akan menyumbang kepada kebolehpasaran graduan bagi program Agroteknologi ini.

Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti faktor pendorong yang utama yang telah menyebabkan pelajar memilih program Sijil Agroteknologi di Kolej Komuniti Tambunan.

Soroton Kajian

Terdapat banyak kajian yang dilakukan berkisar mengenai faktor-faktor pemilihan program bagi pelajar lepasan SPM di Malaysia. Salah satunya ialah Nurdzifazura dan Emzyatul (2015) yang telah mengkaji faktor yang sama seperti di dalam kajian ini tetapi memfokuskan kepada pemilihan program yang lain iaitu Kulinari. Melalui kajian tersebut, faktor minat didapati memainkan peranan yang penting di dalam pemilihan program pelajar. Menurut Jalil (2014) dan Iberahim (2014), latar belakang dan minat pelajar mempengaruhi faktor pemilihan mereka. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai minat dan pengalaman dalam bidang pertanian lebih cenderung untuk memilih bidang pertanian yang mereka minati di atas kepercayaan bahawa minat ini boleh membawa mereka ke peringkat yang lebih jauh atau tinggi sekaligus memberikan peluang untuk mereka memperoleh kejayaan.

Manakala, Dhakal (2020) pula mengambilkira beberapa faktor iaitu faktor sekolah, faktor keluarga atau ibu bapa dan faktor pelajar sedia ada, yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar, sekaligus mempengaruhi pemilihan masa depan pelajar tersebut. Sailin et. al (2014) bersetuju bahawa pemilihan kursus ataupun tempat pengajian adalah berdasarkan kehendak pasaran ataupun faktor kerjaya. Kursus yang dipilih seharusnya bidang yang masih relevan dan banyak peluang pekerjaan. Jaggars (2014) menyatakan faktor pengajar yang berkualiti serta budaya dan cara pembelajaran di sesuatu institusi itu juga menjadi penyebab kepada pemilihan program di institusi tersebut.

Sebelum ini, Tampasok et al. (2020) menjalankan kajian tentang sebab-sebab yang mempengaruhi pilihan pelajar untuk program Sijil Pengembalaan Pelancongan di Kolej Komuniti Tambunan. Hasil kajian menunjukkan bahawa minat adalah sebab utama pelajar memilih program tersebut. Kajian ini adalah kesinambungan bagi kajian tersebut, di mana kajian ini berfokus kepada program Sijil Agroteknologi.

Metodologi

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan bagi melihat faktor yang mempengaruhi pemilihan Program Sijil Agroteknologi di kalangan pelajar program tersebut di Kolej Komuniti Tambunan. Deskriptif tinjauan kajian adalah kajian terhadap sesuatu perkara yang melibatkan interpretasi atau tafsiran berdasarkan data yang dikumpul. Akhirnya, penerapan seterusnya membuat perbandingan secara generalisasi, iaitu membuat kesimpulan secara umum. Menurut Chua (2011), di dalam menjalankan sesuatu kajian, kaedah tinjauan

adalah satu kaedah yang selalu digunakan di mana berlaku pengumpulan data dari populasi yang dikehendaki.

Jadual I: Penskoran skala 5 mata

Maklum balas	Markah Skala
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak setuju (TS)	2
Tidak pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
<u>Sangat Setuiu (SS)</u>	<u>5</u>

Maklumat bagi melengkap kajian ini didapati daripada borang ‘google form’ yang telah diedarkan kepada responden melalui kumpulan aplikasi whatsapp. Soal selidik kajian ini diedarkan secara atas talian di alamat sesawang <https://forms.gle/2IWUR8FQDvtgkiPR6> kepada keseluruhan populasi melalui kumpulan aplikasi whatsapp pelajar bagi setiap semester bagi memastikan hanya responden yang tepat sahaja yang akan menjawab soal selidik ini. Instrumen kajian iaitu borang soal selidik ini telah diambil dan diubahsuai dari kajian yang dijalankan oleh Ahmad Zawawi et. al (2018) dan Laila & Fuad (2018).


Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 25 item berdasarkan kepada skop kajian yang menggunakan skala Likert dan terdapat 3 item untuk mengenalpasti demografi responden. Jadual 1 menunjukkan penskoran skala 5 mata yang digunakan di dalam soal selidik ini. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A, melibatkan latar belakang responden dan bahagian B melibatkan respon responden terhadap aspek yang dikaji. Kajian ini melibatkan 86 persampelan bagi mengukur dan menguji instrument agar ianya adalah sah dan boleh digunakan. Analisis data yang diperolehi dibuat berdasarkan frekuensi, peratusan dan min dan data diproses dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*).

Dapatan Kajian

Latar belakang Responden


Untuk bahagian A iaitu demografi responden, tiga item yang melibatkan latar belakang responden ialah jantina, umur dan bangsa. Hasil Analisa data, responden kajian adalah terdiri daripada 86 orang pelajar, di mana 33 orang (38.4 peratus) adalah perempuan dan 53 orang (61.6 peratus) adalah lelaki seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1. Dari segi umur, majoriti responden berusia di antara 18 sehingga 22 tahun iaitu sebanyak 79 orang (91.9 peratus), diikuti 6 orang (7 peratus) responden yang berusia di antara 23 sehingga 29 tahun dan seorang responden (1.2 peratus) berusia 30 tahun dan ke atas. Maklumat ini boleh dirujuk di dalam Rajah 2. Rajah 3 pula menunjukkan data bilangan dan juga data peratusan responden yang diasingkan mengikut bangsa, di mana majoriti responden merupakan Bumiputera Sabah. Terdapat beberapa bangsa lain termasuklah Bumiputera Sarawak, Melayu dan lain-lain.

Jantina
86 responses




Rajah 1: Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Umur
86 responses



Rajah 2: Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur

Bangsa
86 responses



Rajah 3: Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa

Untuk bahagian B, sebanyak dua puluh soalan telah disediakan berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar di dalam pemilihan Program Sijil Agroteknologi ini. Terdapat lima faktor iaitu pengaruh minat, pengaruh ibu dan bapa, pengaruh rakan sebaya, pengaruh promosi dan pengaruh kerjaya, di mana untuk setiap faktor ini, empat soalan telah disediakan. Jadual 1 menunjukkan jumlah keseluruhan skor min berdasarkan faktor pendorong yang berlainan.

Jadual 2: Analisa keseluruhan skor min dan sisihan piawai

Faktor	Min		Sisihan Piawai	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Pengaruh minat	4.215	4.222	0.624	0.632
Pengaruh ibubapa	3.591	3.572	0.732	0.742
Pengaruh rakan sebaya	3.061	3.227	0.711	0.718
Pengaruh promosi	4.045	3.945	0.644	0.691
Pengaruh kerjaya	4.607	4.533	0.693	0.678

Dengan merujuk kepada Jadual 2 iaitu analisa skor min dan juga sisihan piawai, bagi faktor pendorong pemilihan program SAT di Kolej Komuniti Tambunan, didapati bahawa pengaruh kerjaya adalah faktor terbesar yang telah mendorong para pelajar di dalam pemilihan untuk meneruskan pelajaran dalam bidang tersebut. Skor min tertinggi yang diperoleh ialah 4.607 bagi pelajar lelaki, 4.533 bagi pelajar perempuan) seperti yang ditunjukkan di dalam jadual tersebut.

Seterusnya, taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi pengaruh minat ditunjukkan di dalam Jadual 3 yang menunjukkan analisa bagi item pengaruh minat. Daripada dapatan kajian, didapati bahawa, kebanyakan pelajar program SAT di Kolej Komuniti Tambunan mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang Agroteknologi

Kamus Dewan telah menakrifkan perkataan minat sebagai satu keinginan atau kesukaan dan kecenderungan kepada sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pengaruh minat mempunyai perkaitan yang rapat dengan pemilihan program yang bakal diambil dan seseorang pelajar akan memilih program di hadapannya adalah bagi memenuhi keperluan emosi dan nilai-nilai khas di dalam dirinya. Manakala, menurut Davies & Elias (2003), sebab sesuatu kursus pengajian dipilih ialah disebabkan individu tersebut meminati subjek tersebut. Minat ini seterusnya menjadi pendorong dan pemberi semangat di dalam pemilihan program pelajar. Minat, focus dan motivasi adalah sangat penting dalam penentuan tahap kejayaan seseorang itu. Ini seterusnya akan memberi semangat dan keterujaan kepada seseorang individu di dalam menjalankan tugas yang memberikan kegembiraan kepada dirinya.

**Jadual 3 Data bagi peratus kekerapan, min dan sisihan piawai untuk faktor pengaruh
minat**

Kenyataan	STS	TS	TP	S	ST	Min	Sisihan piawai
Saya berminat dengan bidang pertanian	0	2.32	8.14	55.81	33.72	4.209	0.516
Saya berkecenderungan untuk mendalami ilmu pertanian dengan lebih dalam.	2.33	5.81	12.79	46.51	32.56	4.01	0.652
Saya gemar menonton rancangan TV yang berkisarkan bidang pertanian.	2.33	4.65	30.23	43.02	19.77	3.732	0.637
Saya suka menanam pokok atau memelihara haiwan ternakan.	3.49	1.16	5.81	54.65	34.88	4.163	0.523

Bagi faktor pengaruh ibubapa, didapati bahawa 44.19 peratus responden bersetuju bahawa ibubapa mereka adalah yang membuat keputusan di dalam pemilihan program ini. Kenyataan ini mendapat skor min 4.035 dengan sisihan piawai 0.697. Hasil dapatan ini boleh dirujuk di dalam Jadual 4, iaitu taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengaruh ibubapa. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nurdzifazura & Emzyatul (2015) dan Asnul & Siti (2011) yang menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang akan patuh kepada kemahuan ibubapa mengenai kursus dan tempat belajar yang dipilih oleh ahli keluarga mereka. Hasil Analisa ini mendapati bahawa keputusan pemilihan program ini turut dipengaruhi oleh pengaruh ibubapa. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan pelajar mendapat sokongan dan dorongan keluarga di dalam pemilihan program yang dibuat.

**Jadual 4: Data bagi peratus kekerapan, min dan sisihan piawai untuk faktor pengaruh
ibubapa**

Kenyataan	STS	TS	TP	S	ST	Min	Sisihan piawai
Ibubapa saya yang mahu saya menyertai program ini.	8.14	13.95	16.28	44.19	17.44	3.488	0.675
Ibubapa saya yakin saya sesuai berada di dalam program ini.	1.16	3.49	11.63	58.14	25.58	4.035	0.697
Ibubapa saya yakin bahawa program ini memberikan masa depan yang cerah kepada saya.	1.16	2.33	18.60	44.19	33.72	4.069	0.614
Ibubapa saya sentiasa menyokong saya di dalam kemasukan ke program ini.	2.33	1.16	3.49	51.86	51.16	4.384	0.665

Kajian oleh Nursuhaili yang dijalankan pada 2010 menyatakan bahawa pelajar adalah remaja yang masih lagi belum matang dan akan mudah dipengaruhi oleh keadaan sekeliling mereka seperti rakan sebaya. Minat yang hampir sama akan menyokong pengaruh ini dan menyebabkan pelajar menghabiskan banyak masa bersama rakan-rakan ini. Terdapat pelajar yang lebih selesa dengan rakan sebaya berbanding dengan keluarga. Bagi faktor pengaruh rakan sebaya, didapati bahawa faktor ini tidak terlalu mempengaruhi di dalam pemilihan ke program SAT di Kolej Komuniti Tambunan. Ini boleh dilihat melalui kenyataan “*Saya dan rakan memilih program yang sama*” dan “*Saya mempunyai rakan sekolah/sekampung di dalam program ini.*” di mana kebanyakan pelajar tidak bergantung kepada rakan sebaya. Data ini boleh dilihat di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Data bagi peratus kekerapan, min dan sisihan piawai untuk faktor pengaruh rakan sebaya

Kenyataan	STS	TS	TP	S	ST	Min	Sisihan piawai
Saya dan rakan memilih program yang sama	17.44	18.60	23.25	31.39	9.30	2.965	0.812
Saya mempunyai rakan sekolah/sekampung di dalam program ini.	15.12	15.12	15.12	36.05	18.60	3.279	0.769
Saya memilih program ini kerana ada rakan yang sedang belajar di dalam program ini.	5.81	11.63	32.56	36.05	13.95	3.407	0.712
Saya sukaan program ini kerana ramai rakan yang dikenali.	5.81	4.65	34.88	39.53	15.12	3.535	0.765

Bagi faktor pengaruh promosi, data boleh dirujuk di dalam Jadual 6 di mana kebanyakan pelajar bersetuju bahawa promosi dan maklumat program yang dikongsikan melalui media sosial seperti *tiktok*, *whatsapp*, *facebook*, *telegram* dan *Instagram* juga memainkan peranan yang penting di dalam faktor yang mempengaruhi pemilihan program SAT ini. Didapati bahawa sebelum pelajar membuat pemilihan program, mereka telah membuat carian dahulu berkenaan program-program yang sesuai dan ingin dipilih. Maklumat berkenaan program ini banyak membantu meyakinkan pelajar berkenaan pemilihan program ini. Ini seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Alwi & Nazir (2014), di mana pelajar juga memilih program pengajian melalui kaedah pemasaran atau promosi, di mana pelajar akan mendapat maklumat yang betul dan benar mengenai kursus tersebut.

Jadual 6: Data bagi peratus kekerapan, min dan sisihan piawai untuk faktor pengaruh promosi

Kenyataan	STS	TS	TP	S	ST	Min	Sisihan piawai
Saya tertarik dengan butiran program yang dikongsikan melalui media sosial (Facebook,	0	3.49	6.98	62.79	26.74	4.128	0.546

whatsapp, telegram, tiktok, instagram dll)							
Saya tertarik dengan penerangan pegawai yang bertugas sewaktu promosi di sekolah atau sewaktu pameran.	3.49	4.65	12.79	55.81	23.25	3.91	0.647
Saya tertarik dengan penerangan pegawai sewaktu menghubungi kolej.	2.33	2.33	15.12	47.67	25.58	3.732	0.654
Saya dihubungi oleh pegawai pengambilan yang mempromosikan dan menerangkan mengenai program.	5.81	5.81	26.74	43.02	18.60	3.628	0.712

Bagi faktor yang terakhir iaitu faktor kerjaya, dapatkan data ditunjukkan di dalam Jadual 7 yang menunjukkan bahawa faktor kerjaya ini adalah faktor yang tertinggi mempengaruhi pelajar di dalam pemilihan program SAT di Kolej Komuniti Tambunan. Sebanyak 86.05 peratus pelajar bercita-cita untuk berkecimpung di dalam bidang pertanian selepas tamat pengajian. Selain itu, sebanyak 91.86 peratus pelajar mempunyai impian untuk menjadi usahawan tani yang berjaya. Bagi mengukuhkan pengaruh faktor ini, 97.67 peratus pelajar bersetuju bahawa Program Agroteknologi ini memberi pengetahuan dan persediaan kepada saya sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Kejayaan alumni program ini juga memberi inspirasi kepada pelajar di mana 95.34 peratus pelajar bersetuju telah melihat ramai alumni Program SAT telah bekerja dan berjaya selepas tamat pengajian di Kolej komuniti Tambunan.

Jadual 7: Data bagi peratus kekerapan, min dan sisihan piawai untuk faktor pengaruh kerjaya

Kenyataan	STS	TS	TP	S	ST	Min	Sisihan piawai
Saya bercita-cita untuk bekerja di dalam bidang agroteknologi.	2.33	1.16	10.46	37.21	48.84	4.29	0.542
Saya mempunyai impian untuk menjadi usahawan tani yang berjaya.	0	2.33	5.81	48.84	43.02	4.32	0.0562
Saya melihat ramai alumni Program Agroteknologi telah bekerja dan berjaya.	0	1.16	3.49	51.16	44.18	4.384	0.596
Program Agroteknologi ini memberi pengetahuan dan persediaan kepada saya sebelum tamat pengajian.	0	1.16	1.16	39.53	58.14	4.546	0.512

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong pelajar dalam pemilihan Program Sijil Agroteknologi di Kolej Komuniti Tambunan. Berdasarkan analisa daripada dapatan yang diperoleh, pengaruh kerjaya adalah merupakan faktor utama bagi pelajar memilih bidang pengajian ini. Ini diikuti rapat oleh faktor minat. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang agroteknologi dan telah mempunyai matlamat untuk mempunyai kerjaya yang baik di dalam bidang ini. Selain itu, sokongan dari ibubapa dan promosi dari pihak kolej juga turut memainkan peranan di dalam pemilihan program ini. Hasil kajian ini boleh digunakan pada masa depan bagi memahami kecenderungan pelajar di dalam pemilihan program di Kolej Komuniti Tambunan. Kajian ini boleh membantu unit pengambilan dan pembangunan pelajar bagi memilih target untuk aktiviti promosi dan seumpamanya bagi mengatasi masalah kekurangan pelajar di kolej komuniti sekaligus untuk memenuhi norma ambilan pelajar Sijil Agroteknologi di Kolej Komuniti Tambunan.

Rujukan

- Alwi, M., & Nazir, M. M. (2014). Kecenderungan pelajar Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat memilih latihan vokasional (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).
- Asnul, D.M., and Siti, A. D.(2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus rekaan dan jahitan di daerah Muar, negeri Johor.*Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Volume 4*, 58-76.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah penyelidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Davies, R. & Elias, P. (2003) `*Dropping Out: A Study of Early Leavers from Higher Education*', Research Report RR386, Department for Education and Skills, London.
- Dhakal, K. R. (2020). Factors affecting academic performance of Students at community secondary school in Nepal. *Merit Research Journal of Education and Review*, 8(9), 165–170. <https://doi.org/10.5281/zenodo.4057006>
- Iberahim, H. (2014). Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan Serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik Di UTHM (*Master's thesis, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia*). Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/5348/1/Hasmah_Binti_Iberahim.pdf
- Jaggars, S. S. (2014). Choosing between online and face-to-face courses: Community college student voices. *American Journal of Distance Education*, 28(1), 27-38.
- Jalil, N. (2014). Kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*)
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Ketiga, 2021
- N. Laila & M. Fuad (2018). Faktor yang mempengaruhi Pelajar Semester Satu Politeknik Kota Kinabalu JKE Sesi Jun 2018 Memilih Bidang Kejuruteraan Elektrik. *First International Multidisciplinary Academic Conference 2018* (IMAC'18)
- Nurdzifazura, D., and Emyzatul,N.R.(2015). Faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih program kulinari di Kolej Komuniti Nibong Tebal, Pulau Pinang, *Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Zon Utara*,1-14
- Nursuhaili Baharuddin (2010) Hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkahlaku sosial. *Masters thesis, Universiti Malaysia Sabah*.
- Sailin, R., Othman, N., Hamid, N. A., Khalid, N., Awang, A. H., & Nor, M. F. (2014). Faktor Pendorong Kemasukan Pelajar Baharu Ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis), 17-18

Tampasok, D., Samat, S., Ahmad, A.F.B., Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Memilih Program Pelancongan Dan Pengembawaan Di Kolej Komuniti Tambunan, Sabah (2020), *e-Digest Pengurusan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti Edisi 2020*, 39-44

Ts. Ahmad Zawawi, Fariza & Ts. Nazeera (2018). Faktor Pemilihan Politeknik & Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) Dalam Kalamgan Pelajar DKM Politeknik Sultan Syed Sirajuddin PTSS. *Journal of Technical & Vocational Education Vol. 1*.97-109